

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 20 Disember 2024

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN OKTOBER 2024

**Prospek ekonomi Malaysia kekal positif,
dengan Indeks Pelopor mencatatkan 1.5 peratus pada Oktober 2024**

PUTRAJAYA, 20 DISEMBER 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi Oktober 2024**. Indeks Pelopor (IP) memberi petunjuk awal tentang titik perubahan yang ketara dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Indeks Pelopor (IP) Malaysia kekal dalam pertumbuhan positif dengan mencatatkan 1.5 peratus pada Oktober 2024, mencecah 111.1 mata berbanding 109.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Paparan I**). Indeks Perusahaan Bursa Malaysia mempamerkan prestasi kukuh dengan 27.9 peratus, meletakkannya sebagai penyumbang utama kepada peningkatan ini. Sebaliknya, prestasi bulanan IP menunjukkan penurunan marginal sebanyak 0.4 peratus berikutan empat daripada tujuh komponen menyusut, terutamanya Indeks Perusahaan Bursa Malaysia dan Import Benar Semi Konduktor, masing-masing menurun sebanyak 0.3 peratus”.

Melihat kepada trend jangka panjang terlicin pada Oktober 2024, IP mula mencatatkan arah aliran di bawah 100.0 mata (**Paparan II**), menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka kekal berkembang walaupun sederhana pada bulan-bulan akan datang pada tahun 2025. Faktor dalaman seperti permintaan domestik yang kukuh dan trend pasaran pekerjaan yang positif dijangka menyokong prospek ekonomi.

Sementara itu, Indeks Serentak (IS) yang mengukur prestasi ekonomi semasa mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 1.7 peratus, mencecah 126.4 mata berbanding 124.3 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini sejajar dengan prestasi yang memberangsangkan daripada Nilai Caruman Benar, KWSP (6.8%) dan Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (5.0%). Pada masa yang sama, prestasi bulanan IS juga mengalami peningkatan 0.6 peratus pada Oktober 2024, selepas menyusut 0.7 peratus pada bulan sebelumnya, dengan peningkatan yang direkodkan merentas semua komponen.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**


20 DISEMBER 2024

LAMPIRAN I






Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, December 20, 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES OCTOBER 2024

***Malaysia's economic outlook remains positive,
with the Leading Index recording 1.5 per cent in October 2024***

PUTRAJAYA, DECEMBER 20, 2024 – Today, the Department of Statistics Malaysia released the **Malaysian Economic Indicators: Leading, Coincident & Lagging Indexes for October 2024**. The Leading Index (LI) provides an early indication of significant turning points in the business cycle and the direction of the economy in the near term.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, “The Malaysian Leading Index (LI) remained in a positive growth by recording 1.5 per cent in October 2024, reaching 111.1 points as compared to 109.5 points in the same month of the previous year (**Exhibit I**). The Bursa Malaysia Industrial Index demonstrated a robust performance with 27.9 per cent, positioning it as the main contributor to the rise. In contrast, the monthly performance of LI showed a marginal decline of 0.4 per cent as four out of seven components slipped, particularly the Bursa Malaysia Industrial Index and Real Imports of Semi Conductors, each of which declined by 0.3 per cent”.

Looking at the smoothed long-term trend in October 2024, the LI began trending below 100.0 points (**Exhibit II**), suggesting that the Malaysian economy is

anticipated to remain growing albeit moderately in the upcoming months of 2025. Internal factors such as robust domestic demand and a positive labour market trend are expected to support the economic prospects.

Meanwhile, the Coincident Index (CI), which measures the current economic performance, recorded an annual increase of 1.7 per cent, reaching 126.4 points as compared to 124.3 points in the same month of the preceding year. The incline aligns with the encouraging performance of the Real Contributions, EPF (6.8%) and the Volume Index of Retails Trade (5.0%). At the same time, the CI's monthly performance also increased by 0.6 per cent in October 2024, after declining by 0.7 per cent in the previous month, with increases recorded across all components.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

20 DECEMBER 2024

APPENDIX I

Exhibit I: Leading Composite Index




Exhibit II: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle




Exhibit III: Annual Changes of Leading Index Components

